

KAJIAN LITERATUR: PENGARUH BAHASA MELAYU DALAM PENULISAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR KUIS

Mohd Shafie Bin Zulkifli¹

mohdshafie@kuis.edu.my

Muhammad Bin Hashimee

Diyak Ulahman Bin Mat Saad

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Penguasaan terhadap bahasa Melayu adalah amat penting bagi pelajar di Malaysia tetapi bagi penuntut ilmu bahasa Arab khususnya haruslah serba sedikit mahir tentang bahasa Arab. Dikatakan bahawa pelajar-pelajar di Malaysia bukan sahaja di peringkat sekolah, malahturut melibatkan pelajar-pelajar di universiti termasuklah di KUIS lemah dalam penulisan bahasa Arab. Sebagai sebuah pusat pengajian tinggi swasta yang menawarkan matapelajaran bahasa Arab sebagai matapelajaran wajib universiti, KUIS tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai peringkat dalam memantapkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Dalam kertas kerja ini adalah perbincangan berkaitan tentang pengaruh bahasa Melayu sebagai faktor utama yang mempengaruhi kelemahan pelajar KUIS penulisan bahasa Arab dengan betul.

Kata Kunci: *Pengaruh Bahasa Melayu, Penulisan, Bahasa Arab, Pelajar KUIS.*

PENDAHULUAN

Setiap bahasa di dunia mempunyai sistem dan ciri-cirinya yang tersendiri terutama yang melibatkan aspek linguistik. Bahasa Melayu dan bahasa Arab juga termasuk dalam bahasa dunia yang mempunyai ciri-ciri yang istimewa dari aspek linguistiknya. Ramai dari kalangan ahli akademik memberi perhatian terhadap bahasa Arab dari segi sintaksi, morfologi, terjemahan, sastera dan sebagainya. Bahasa Melayu juga mempunyai hubungkaitnya dengan Bahasa Arab. Ada sebahagian perkataan Bahasa Arab yang digunakan dalam bahasa melayu membawa makna yang sama dan makna yang berlainan.

¹ Pensyarah Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Kepentingannya boleh dilihat melalui terjemahan dan penyelidikan yang semakin berkembang terutamanya di negara Malaysia. Hasil dari pelbagai kajian berkenaan bahasa dan linguistik Arab oleh para ilmuwan, maka muncul pelbagai ilmu berkaitan bahasa.

Terjemahan adalah salah satu bidang yang tidak kurang pentingnya dalam sesuatu ilmu bahasa. Menurut Azman (2009), kajian terjemahan merupakan satu bidang yang luas dan menjadi suatu disiplin yang begitu penting dalam pembangunan tamadun keilmuan manusia. Apabila menterjemah dari satu bahasa ke bahasa yang lain, penterjemah akan terpengaruh dengan bahasa asalnya kerana setiap bahasa mempunyai struktur ayat yang berbeza dengan bahasa yang lain. bahasa Arab juga mempunyai ciri tatabahasa yang amat berbeza dengan bahasa Melayu (Zainur Rijal, 2014). Oleh sebab itu, penterjemah akan terpengaruh dengan bahasa Melayu dalam menterjemah ke bahasa Arab terutama pelajar yang baru belajar menterjemah.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Memandangkan proses pembelajaran bahasa Arab kepada bukan penutur asalnya ini bukanlah satu perkara yang mudah, lantaran terdapat berbagai-bagai cabaran dan masalah yang dihadapi, maka peranan guru adalah sangat penting dalam memastikan proses pembelajaran yang berkesan dan berkualiti demi melahirkan pelajar-pelajar yang mampu berkomunikasi menggunakan bahasa Arab yang betul (Normila, 2014). Antara masalah utamanya adalah pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Ini sangat memberi kesan kepada pelajar-pelajar dalam proses menterjemah ke bahasa Arab dengan betul.

Dalam membina ayat bahasa Arab sama ada melalui penulisan mahupun percakapan, pelajar lebih cenderung untuk menulis ayat dalam bahasa Melayu terlebih dahulu, kemudian menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab. Ini menyebabkan struktur ayat bahasa Arab yang betul telah hilang kerana terpengaruh dengan struktur ayat bahasa Melayu (Al-Amin, 2011). Sedangkan dalam menterjemahkan ke bahasa Arab, pelajar perlu mengambilkira beberapa aspek utama dalam membina struktur ayat yang betul, dan aspek-aspek ini tidak terdapat di dalam pembinaan ayat bahasa Melayu.

Di dalam penulisan ini, perbincangan akan memfokuskan kepada penggunaan struktur ayat bahasa Melayu dalam terjemahan ke bahasa Arab dikalangan pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa

Selangor (KUIS). Penelitian akan dilakukan pada penggunaan kata kerja, struktur dan kedudukan perkataan di dalam penterjemahan ayat ke bahasa Arab yang betul.

PERNYATAAN MASALAH

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia kini kian berkembang meliputi pelbagai peringkat masyarakat tanpa mengira umur, agama dan latar belakang. Sebagai contoh, sesetengah pusat pengajian tinggi menawarkan bahasa Arab sebagai matapelajaran wajib universiti dan juga bahasa asing atau pilihan. Beberapa kaedah dan pendekatan yang sesuai digunakan oleh pengajar ke arah membantu pelajar menguasai bahasa Arab.

Sebagai sebuah pusat pengajian tinggi swasta yang menawarkan matapelajaran bahasa Arab sebagai matapelajaran wajib universiti, KUIS tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai peringkat dalam memantapkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Buku teks yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sampel adalah "al-Mazid fi Al-Lughah Al-Arabiah" yang diterbitkan oleh KUIS.

Antara keistimewaan penerbitan buku teks tersebut ialah penggunaan kaedah Transliterasi. Tujuannya ialah untuk menarik minat pelajar mempelajari bahasa Arab, disamping membantu pembelajaran supaya menjadi lebih menarik dan mudah bagi pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab, khususnya aksara Arab. Kebiasaannya dalam peperiksaan, para pelajar dihidangkan dengan soalan berbentuk terjemahan Melayu-Arab. Kaedah terjemahan Melayu-Arab juga diaplikasikan dalam buku teks bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Penyelidik melihat masalah penggunaan struktur ayat bahasa Melayu dalam terjemahan ke bahasa Arab merupakan fenomena yang sering berlaku dalam kalangan pelajar melayu. Hal ini disebabkan bahasa Arab yang merupakan bahasa asing dan bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan kebiasaan harian kepada mereka. Permasalahan ini jelas dilihat apabila melibatkan sesi peperiksaan dimana rata-rata warga pensyarah menyatakan rasa kecewa dan ketidakpuasan hati kerana para pelajar masih tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik sekalipun bahasa Arab merupakan bahasa penghantar utama dalam pengajian Islam. Tambahan itu, penggunaan struktur ayat bahasa Melayu rata-rata pelajar masih ketara dan jelas dalam terjemahan struktur ayat bahasa Arab semasa menjawab soalan peperiksaan. Oleh yang demikian, perkara ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan warga pensyarah khususnya kerana objektif untuk menjadikan para pelajar pengajian Islam khususnya menguasai bahasa Arab itu semakin jauh untuk dicapai.

Mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua merupakan proses yang agak sukar bagi pelajar, terutama dalam kalangan pelajar Melayu yang tidak terdedah secara langsung kepada situasi dan persekitaran sebenar bahasa Arab itu digunakan (Baharuddin, 2012). Menurut Kamarul Shukri Mat Teh et al. (2009), permasalahan yang timbul dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah ialah kelemahan pelajar untuk menguasai bahasa tersebut khususnya dalam pertuturan dan penulisan. Kelemahan pelajar di peringkat sekolah ini akan menyebabkan mereka gagal mengikuti kursus pada peringkat universiti dengan baik (Osman, 1990). Keadaan ini juga menyebabkan pelajar takut untuk bercakap dalam bahasa Arab. Menurut Muhamad Hanan (2011), kajian yang dijalankan kepada 30 pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya mendapati 60% pelajar bersetuju dengan pernyataan mereka takut bercakap bahasa Arab sebab berlaku kesalahan bahasa dalam membina ayat.

Beberapa penyelidik berpendapat kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab sebagai bahasa kedua mempunyai perkaitan yang rapat dengan pengaruh bahasa pertama atau bahasa ibunda. Corder (1964) menjelaskan bahawa gangguan bahasa ibunda wujud apabila tabiat (bentuk, sistem atau hukum) bahasa pertama pelajar mengganggu atau menghalangnya daripada memperoleh bentuk, sistem atau hukum dalam bahasa kedua. Menurut Mohd Azidan (2004) pula, gangguan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dalam pemerolehan bahasa Arab sebagai bahasa kedua sebenarnya bermaksud pemindahan dan penggunaan beberapa sistem bahasa ibunda dalam bahasa Arab sedangkan sistem tersebut tidak ada sama sekali dalam bahasa Arab. Isu gangguan bahasa ini turut dibincangkan oleh Che Radiah Mezah (2009) yang menjelaskan bahawa terdapat 2 faktor yang mempengaruhi kesilapan pelajar semasa menggunakan bahasa Arab; iaitu faktor interlingual dan faktor intralingual. Faktor pertama merupakan gangguan bahasa ibunda pelajar yang menyebabkan berlaku pemindahan negatif pelbagai unsur atau item leksikal dalam ayat bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab, manakala faktor kedua pula berlaku kerana pelajar masih belum memahami peraturan dan aplikasi bahasa Arab itu sendiri.

Dalam proses pembelajaran bahasa Arab, pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda ini menimbulkan kesukaran bagi pelajar terutamanya dalam memahami dan menguasai konsep pembentukan dan penstrukturan asas ayat-ayat bahasa Arab. Kajian Rosni Abu Samah (2012) terhadap 200 orang pelajar lepasan sekolah menengah agama di Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia mendapati bahawa pelajar kurang berkemampuan untuk membina ayat bahasa Arab dengan menggunakan frasa kerja. Pelajar juga banyak melakukan

kesalahan dalam memilih perkataan yang sesuai untuk pelaku bagi kata kerja. Mereka keliru dalam menyusun struktur ayat terutama jika terdapat perkataan yang hampir sama maknanya untuk pelaku. Kekeliruan ini berlaku dalam kalangan pelajar kerana mereka terpengaruh dengan bahasa Melayu yang kurang penggunaan frasa kerja (Mahmud Muhamad Ali & Mikail Ibrahim, 2007). Menurut Hashim (2009), kesalahan kata kerja merupakan antara kesalahan yang ketara dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Di samping pengaruh bahasa ibunda, pembelajaran bahasa Arab menjadi lebih rumit apabila pelajar tidak dapat menguasai tatabahasa dalam bahasa Arab dengan baik. Akibatnya, pelajar akan melakukan pelbagai kesalahan bahasa dalam penulisan dan pertuturan (Rosni, 2012).

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau sejauh manakah pelajar KUIS terpengaruh dengan struktur ayat bahasa Melayu dalam menterjemah ayat ke bahasa Arab. Tinjauan ini harus dilakukan untuk melihat gaya seperti cara menulis atau bertutur atau cara menterjemah ayat Melayu ke bahasa Arab. Ia melibatkan susunan ayat bahasa Arab itu sendiri sama ada sesuai ataupun tidak untuk mengekalkan struktur ayat bahasa Melayu dalam penterjemahan. Pengetahuan tentang penggunaan kata-kata dan penyusunan ayat juga adalah takrif kepada ilmu gaya bahasa (Maheram: 2011). Maka kajian ini amat penting kerana sebelum menterjemahkan sesuatu ayat, penterjemah perlu membaca, memahami dan mengenali ayat itu terlebih dahulu. Ini kerana, seseorang penterjemah tidak akan dapat melakukan proses pemindahan itu dengan baik sekiranya dia sendiri tidak mengetahui perbezaan struktur ayat antar bahasa Melayu dan Arab. Setelah ayat itu diterjemahkan, ia perlu disemak, diperiksa dan disunting sama ada gaya bahasa yang digunakan sesuai atau tidak. Setiap penterjemah mempunyai gaya bahasanya yang tersendiri. Akan tetapi perlu melihat gaya bahasa dan struktur ayat yang berbeza antara bahasa Melayu dan bahasa Arab.

PERSOALAN KAJIAN

Daripada pernyataan masalah yang telah dijelaskan di atas, maka secara ringkasnya, terdapat tiga persoalan penting yang terdapat dalam kajian ini:

1. Sejauh manakah penggunaan struktur ayat bahasa Melayu dalam terjemahan ke bahasa Arab oleh pelajar KUIS.
2. Adakah wujud perbezaan antara latar belakang demografi dengan faktor yang mempengaruhi penggunaan struktur ayat bahasa Melayu dalam terjemahan ke bahasa Arab oleh pelajar KUIS.
3. Sejauh manakah hubungan antara faktor dan demografi.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian yang akan dijalankan ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan yang lebih jelas dan mendalam kepada pelajar dan guru mengenai struktur asas ayat di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Namun secara khususnya, kajian ini adalah berobjektifkan kepada perkara-perkara berikut :

- i. Meninjau sejauh manakah penggunaan struktur ayat bahasa Melayu dalam menterjemah ayat ke bahasa Arab oleh pelajar KUIS.
- ii. Untuk memerihalkan demografi responden terhadap penggunaan struktur ayat bahasa Melayu dalam menterjemah ayat ke bahasa Arab.
- iii. Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penggunaan struktur ayat bahasa Melayu dalam menterjemah ayat ke bahasa Arab.
- iv. Melihat hubungkait faktor dengan demografi.

SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini penting sebagai langkah untuk menjawab permasalahan di atas dalam usaha memahami dengan lebih jelas dan kritis tentang situasi sebenar masalah penggunaan di samping mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kepada permasalahan ini. Objektif para pendidik dalam menghasilkan para pelajar yg menguasai bahasa Arab tidak akan mampu dipertahankan sekiranya permasalahan ini terus menerus berlaku tanpa ada usaha untuk meneliti dan mencari jalan penyelesaiannya. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, ia bakal mengemukakan bukti emperikal gambaran sebenar kepada masalah penggunaan struktur ayat bahasa Melayu dalam terjemahan ke bahasa Arab. Seterusnya dapat menjadi bukti dan jawapan kepada andaian dan tanggapan setengah pihak seperti para pensyarah yang mendakwa bahawa masalah penggunaan struktur ayat bahasa Melayu dalam terjemahan ke bahasa Arab berada di tahap yang sangat membimbangkan.

LIMITASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai batasan yang hanya meliputi perkara-perkara berikut:

1. Kajian ini hanya melibatkan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sahaja.
2. Penyelidik hanya menumpukan pelajar yang mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam sahaja.
3. Kajian ini dijalankan dengan pendekatan kajian secara kuantitatif sahaja. Reka bentuk kajian ini adalah secara tinjauan (survey) dengan menggunakan borang soal selidik.

RUMUSAN

Bahasa Melayu dan bahasa Arab banyak perbezaan yang ketara terutama dari segi struktur ayat. Bahasa Arab adalah satu bahasa yang unik dan tersendiri. Ia merupakan bahasa yang mempunyai ciri-ciri binaan ayatnya yang tersendiri dan terpelihara daripada sebarang kecacatan di samping keunikannya mampu menarik jiwa-jiwa manusia untuk mempelajarinya dan ia berkekalan walaupun telah berlalu berabad lamanya. Oleh itu pemahaman dan penguasaannya perlu bagi setiap individu agar dapat memahami isi kandungan al-Quran dan al-Hadith dengan sebaiknya.

Bagi para pelajar, inilah peluang untuk memahami dan menguasai bahasa Arab di samping menilai ciri-ciri persamaannya antara bahasa pertuturan harian, iaitu bahasa ibunda dengan bahasa Arab. Di samping itu juga dapat menilai apakah yang membezakan antara kedua-duanya, terutamanya berkaitan pembinaan ayat. Semoga kajian yang dijalankan ini mendatangkan manfaat dan berguna dalam memartabatkan bahasa Arab di dalam kehidupan harian.

BIBLIOGRAFI

- Al-Amin, Sumayyah Dafullah Ahmad. (2011). Musykilat Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah Linnatiqin Bi Ghairiha Ma'a Iqtirah Ba'dhi Al-Hulul Laha. Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011 (SAPBA'11): Wawasan dan Cabaran Malaysia-China, Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, ISBN 978-967- 5478451.
- Azman Che Mat & Goh, Y.S. (2010). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing Di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin Dan Bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*. 2(2), 9-21.
- Baharuddin Shahman. (2012). Analisis Kontrastif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab Dan Melayu Tesis Masters, Universiti Malaya.
- Che Radiah Mezah. (2009). Kesilapan Leksikal Dalam Pembelajaran Bahasa Arab (Cetakan Pertama). Universiti Putra Malaysia Berhad.
- Cheun, H.H., Ho, W. C. & Hoe, F. T. (2009). A Study Of Mandarin Sentences Grammar Mistake Made By Non-Native Speaker. *Proceeding Language And Culture: Creating And Fostering Global Communities*.
- Corder, S. Pit. (1967). The Significance of Learners Errors dlm. Jack C. Richards, *Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. New York: Longman.
- Erdogan, V. (2005), Contribution Of Error Analysis To Foreign Language Teaching, *Mersin University Journal Of The Faculty Of Education*, 1(2) ,261-270.
- Hashim Mat Zain (2009), Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab Dikalangan Pelajar Sekolah Menengah, Satu Kajian Kes. Tesis Sarjana, UM. Kuala Lumpur.

Kamarul Syukri, Mohamed Amin, Nik Mohd Rahimi & Zamri Mahamod. (2009).
Strategi Metafizik: Kesenambungan Penerokaan Domain Utama Pembelajaran
Bahasa. GEMAOnline™ Journal Of Language Studies, 9(2), 1-13.